



**MINIT MESYUARAT KALI KE-62 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
YANG DIADAKAN PADA HARI SELASA 18 FEBRUARI 2020, JAM 2.30 PETANG  
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANCELORI (CCR),  
ARAS 6, BANGUNAN CANCELORI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBrs. Profesor Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Dr. Rohayati binti Mohd Isa  
Bendahari

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. Sundramoorthy A/L  
M.Pathmanathan (Presiden)  
Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim  
Dr. Syahidah Akmal binti Muhammad  
Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha  
Dr. Ooi Cheong Hwa

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

YBrs. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)  
Encik Azham bin Murat  
Encik Syaarani Amri bin Muhamad  
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain  
Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim  
Encik Rahmat bin Md Hassan

**Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

**Turut Hadir**

YBrS. Profesor Dr. Rozman bin Hj Din  
Dekan  
Institut Pengajian Siswazah USM

Puan Sarina binti Razak  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Rozie Aniza Kartini binti Che Ghani  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Mohamad Iqmal bin Mathlan  
Penolong Pendaftar Kanan  
Pejabat Pengarah Kampus (Kampus Kesihatan)

Puan Nor Asmah binti Redzuan  
Penolong Pendaftar Kanan  
Pejabat Pengarah Kampus (Kampus Kejuruteraan)

Encik Adnan bin Hamid  
Pegawai Teknologi Maklumat F48  
Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi

Puan Suhaini binti Ahmad  
Pegawai Teknologi Maklumat F44  
Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi

Encik Muhammad Syazani Bin Yaali  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Sumber Manusia

**Tidak Hadir:**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim  
Pengarah Kampus Kesihatan

YBrS. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrS. Dr. Musa bin Ali  
Pendaftar

Dr. Ahmad Sufriil Azlan bin Mohamed  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Mohammad Zaip bin Ahmad  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

## **MINIT 1 Aluan Pengerusi**

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-62 Majlis Bersama Jabatan. Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa ini merupakan mesyuarat MBJ yang pertama bagi tahun 2020.

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ketidakhadiran ahli majlis daripada Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja ke Mesyuarat kali ke-62 Majlis Bersama Jabatan.

## **MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat**

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-61 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Selasa, 17 Disember 2019, jam 3.00 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

## **MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-61**

- Tiada perkara berbangkit.

## **MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan**

### **4.1 25 Inisiatif (25 Initiatives)**

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan 25 Inisiatif Universiti yang akan dilaksanakan bagi tahun 2020 dan memohon pihak pekerja untuk menyokong dalam menjayakan inisiatif ini secara bersama. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- i. School of Health Sciences Maintenance of equipment, purchase of equipment, upgrade of labs RM650k*
- ii. Sungai Batu Archaeology Maintenance, recruitment, and wow factor RM500k*
- iii. CEMACS Maintenance, recruitment, and wow factor RM350k*
- iv. REDAC Maintenance and wow factor RM100k*
- v. USM early stage internship and campus-wide RINTIS Final Year Projects RM300k*
- vi. USM Unimaker and IT literacy initiatives for all campuses*
- vii. School of Physics Maintenance, purchase of equipment and lab upgrades RM450k*
- viii. Desasiswa Facelift RM500k*
- ix. Learning Centres (CUBES) RM600k*
- x. International students USMi activities RM70k*
- xi. Mobility for 4,000 students across all campuses RM1mil*
- xii. Admin and Support staff exposure/sabbatical RM500k*
- xiii. Breast Cancer group @ Health Campus purchase of equipment, advocacy and engagement activities RM100k*
- xiv. USM Vehicle Fleet for Central Agencies RM500k + RM100k*
- xv. Pusat Sejahtera and USM Fit purchase of equipment/software, engagement/advocacy activities RM150k*
- xvi. Microseed funding for support staff for income generation ideas and implementation RM35k at typically RM500 to RM3k per applicant/project*
- xvii. Childcare@USM RM100k*

- xviii. *Commissioned work for OKU accessibility audit of USM campuses hosting OKU staff and students. Monies are mainly for honorarium RM35k*
- xix. *Precision medicine and post-diagnosis assessment at IPPT purchase and/or maintenance of equipment/consumables RM650k*
- xx. *SERC@Engineering RM330k*
- xxi. *USM Marketing RM550k*
- xxii. *Microcredential@USM RM300k*
- xxiii. *Augmented Reality and Virtual Reality Teaching @ USM purchase of technology and content development for a minimum of 1 undergraduate subject for Sept 2020 RM100k*
- xxiv. *Internet-of-Things for utilities in main campus focusing on electricity and water usage RM250k*
- xxv. *SOLLAT RM150k*

## **MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja**

### **5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

#### **5.1.1 Pelaksanaan Aktiviti Kemajuan Kerjaya**

Pihak PKAPUSM memohon kepada mesyuarat untuk menjelaskan secara terperinci berkenaan proses hebahan permohonan kemajuan kerjaya staf akademik.

Pengerusi telah memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan kedudukan kewangan dan status peruntukan yang telah diterima dari pihak Kementerian Kewangan pada tahun 2019 dan tahun 2020. Susulan kepada peruntukan yang terhad sehingga penghujung tahun 2019 yang lalu, LGU pada ketika itu telah memutuskan untuk membeku aktiviti pengambilan dan kenaikan pangkat.

Mesyuarat turut mengambil perhatian dan maklum dari penjelasan Pengerusi berkenaan langkah yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Universiti bagi menangani kekangan sumber semasa yang terhad agar dapat meminimalkan impak kepada urus tadbir secara keseluruhannya termasuk aktiviti pengurusan sumber manusia.

Pengerusi turut memaklumkan bahawa, pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) juga telah menyediakan kerangka untuk menyah-pusat sebahagian proses kemajuan kerjaya staf akademik ke Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa garis masa (*dateline*) persediaan PTJ bagi menjalankan proses aktiviti kemajuan kerjaya yang melibatkan kenaikan pangkat staf akademik adalah pada bulan Mac.

Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa turut menjelaskan bahawa cadangan nyah-pusat sebahagian proses kenaikan pangkat staf akademik ini diintegrasikan dengan proses keseluruhan sedia ada. Proses yang dinyah-pusat adalah khusus kepada bahagian *peer review* dan verifikasi. Cadangan kerangka baharu ini dijangka dapat mengurangkan tempoh keseluruhan permohonan kenaikan pangkat tersebut.

Buat masa ini, keputusan bagi kenaikan pangkat Profesor Madya akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU). Proses penilaian akan dilakukan secara dalaman oleh penilai dalaman sahaja. Oleh yang demikian, proses tersebut dapat diselesaikan dalam tempoh 1 tahun. Untuk makluman, bagi penilaian Profesor sahaja menggunakan khidmat penilai luar.

Mesyuarat mengambil perhatian dan bersetuju dengan usaha Universiti yang memperkenalkan kaedah berkesan bagi mempercepatkan proses kenaikan pangkat staf akademik.

**[Tindakan : Makluman]**

### **5.1.2 Status Kemajuan Pembangunan Lima (5) Trek Bagi Kemajuan Kerjaya Staf Akademik**

Pihak PKAPUSM memohon mesyuarat memaklumkan status Kemajuan Pembangunan Lima (5) Trek bagi kemajuan kerjaya staf akademik.

Pengerusi telah memaklumkan bahawa universiti (secara tidak rasmi) sememangnya bersetuju tentang mengadakan perbezaan dalam laluan kerjaya staf akademik khususnya bagi jawatan Profesor kerana ianya bagi membezakan kumpulan staf dari bidang klinikal dan bidang penyelidikan contohnya.

Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa turut memohon memanjangkan persoalan kepada pihak PKAPUSM tentang sama ada staf akademik benar-benar bersetuju dan menyokong pelaksanaan kaedah laluan kerjaya melalui trek yang berbeza ini di USM. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa terdapat beberapa Universiti Awam lain yang merasakan ianya tidak praktikal dan berpatah balik kepada trek laluan kenaikan pangkat yang lebih umum.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa, JKPU telah bersetuju untuk memberi pertimbangan khas dalam proses penilaian kemajuan kerjaya Profesor Madya kepada staf akademik yang terlibat secara langsung sebagai seorang pentadbir.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa apabila PTJ bertanggungjawab atas aktiviti kemajuan kerjaya, proses penilaian akan lebih tertumpu kepada prestasi setiap PTJ itu sendiri. Oleh yang demikian, proses penilaian akan menjadi lebih adil dan relevan apabila calon-calon yang memohon merangkumi bidang kepakaran yang sama.

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara ini dan Pengerusi berharap agar perkara ini tidak memberi impak kepada prestasi pelajar di Universiti.

**[Tindakan : Makluman]**

### **5.1.3 Aktiviti Kemajuan Kerjaya Pensyarah Kanan dan Profesor Madya**

Pihak PKAPUSM memberi sokongan kepada Universiti dalam usaha pembaharuan yang dilakukan bagi aktiviti kemajuan kerjaya Pensyarah Kanan dan Profesor Madya. Pihak PKAPUSM juga memohon mesyuarat memaklumkan status terkini berkenaan pelaksanaannya di Universiti.

Penyelaras Kemajuan Kerjaya Akademik, YBrs. Profesor Dr. Rozman Bin Hj. Din membentangkan kepada mesyuarat berkenaan proses kemajuan kerjaya staf akademik secara atas talian (HCMS) bagi Pensyarah Kanan/Profesor Madya. Mesyuarat mengambil perhatian dan maklum tentang penambahbaikan yang dibentangkan seperti berikut:

- i. Kenaikan pangkat akan diperakukan di PTJ oleh JKPTJSM.
- ii. Jawatankuasa Pengesahan Data (JKPD) juga telah dibentuk di PTJ.
- iii. Hebahan Proses Baharu Lantikan JKPD adalah pada bulan Januari manakala bagi pelantikan Profesor di JKPTJSM adalah pada bulan Februari.

- iv. Taklimat Fungsi JKPD dan JKPTJSM akan diselesaikan pada hujung bulan Mac.
- v. Pengesahan data boleh berlaku pada bulan April hingga Mei yang akan dilakukan sebanyak dua (2) kali.
- vi. Pada bulan Jun adalah tempoh JKPTJSM bermesyuarat dan menghantar syor kepada BSM.
- vii. Tempoh BSM menyusun perakuan dan membentangkan di Jawatankuasa Pemilih adalah pada bulan Julai hingga Ogos.
- viii. Keputusan kenaikan pangkat Pensyarah Kanan adalah pada bulan Ogos dan temu duga bagi Profesor Madya dijangka akan diselesaikan pada bulan Ogos hingga November secara berperingkat.

Pengerusi merakamkan terima kasih kepada Penyelaras dan Pasukan Kemajuan Kerjaya Akademik atas usaha berterusan untuk menambahbaik aktiviti kemajuan kerjaya staf akademik secara keseluruhannya.

**[Tindakan : Makluman]**

#### **5.1.4 Pelaksanaan “Work From Home”**

Pihak PKAPUSM menyokong usaha pihak Universiti untuk melaksanakan inisiatif *Work From Home* (WFH) kepada staf akademik dan bukan akademik. Pihak PKAPUSM memohon mesyuarat untuk menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan kaedah atau status pelaksanaannya di Universiti.

Pengerusi memaklumkan status maklumbalas pada tarikh 8 Februari 2020 mengenai pelaksanaan inisiatif ini adalah seperti berikut;

- i. 22 buah PTJ melaksanakan WFH kepada sebahagian kumpulan staf
- ii. 37 buah PTJ tidak bersedia melaksanakan WFH
- iii. 71 buah PTJ yang masih belum memberi maklumbalas

Bilangan staf yang terlibat dalam pelaksanaan WFH adalah seramai 122 orang. Pecahan-pecahan mengikut kampus adalah seperti berikut;

- i. Kampus Induk (41):**  
22 staf akademik  
11 staf pengurusan & profesional  
8 staf pelaksana
- ii. Kampus Kejuruteraan (73):**  
31 staf akademik  
10 staf pengurusan & profesional  
32 staf pelaksana
- iii. Kampus Kesihatan (8):**  
6 staf akademik  
1 staf pengurusan & profesional  
1 staf pelaksana

Mesyuarat mengambil maklum bahawa maklumbalas tentang pelaksanaan WFH ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan. Inisiatif ini tidak dilaksanakan kepada skim yang menjalankan tugas kritikal.

**[Tindakan : Makluman]**

## 5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

### 5.2.1 Pembekalan Pakaian Seragam Umum USM

Pihak KKAUSM memaklumkan bahawa kaji selidik telah dilaksanakan di kalangan staf berkenaan dengan pemilihan pakaian seragam jenis korporat dan pemilihan baju tambahan jenis T-shirt berkolar dan T-shirt tidak berkolar (*roundneck*) untuk dipakai oleh staf berjawatan teknikal.

Pihak KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa hasil daripada kaji selidik yang dilakukan dan juga perbincangan bersama pihak BSM, bilangan yang telah dipersetujui untuk diterimapakai adalah seperti berikut:

- i. Sehelai (1) pakaian seragam jenis korporat dibekalkan bagi tempoh 2 tahun
- ii. Dua (2) helai T-shirt berkolar bagi tempoh 2 tahun
- iii. Dua (2) helai T-shirt tidak berkolar (*roundneck*) dalam setahun

Pihak KKAUSM juga mencadangkan supaya Universiti tidak perlu menyediakan pembekalan kain seluar kepada staf, sebaliknya hanya menanggung kos upah jahit seluar iaitu sebanyak RM130 sehelai bagi tempoh setahun.

Buat masa ini, Universiti memperuntukkan 3 helai selama setahun kepada staf yang layak menjadikan jumlah kos upah jahit sebanyak RM390.

Pengerusi mencadangkan supaya Universiti memperuntukkan kos sebanyak RM400 yang dimasukkan terus ke dalam akaun staf yang layak menerima dan staf tersebut dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk membuat pembelian seluar secara sendiri. Peruntukan kos yang diberi adalah untuk tempoh 2 tahun.

**[Tindakan : Bendahari & Bahagian Sumber Manusia]**

### 5.2.2 Pembelian Kasut Keselamatan (*Safety Boot*)

Pihak KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan perkara berkaitan kaedah pembayaran/pembelian kasut keselamatan kepada staf.

Pihak KKAUSM mencadangkan supaya peruntukan sebanyak RM400 selama 2 tahun diberikan kepada staf yang layak menerima jika dibandingkan sebelum ini adalah sebanyak RM300 setahun. Staf (yang layak) dibenarkan membeli kasut keselamatan secara sendiri dengan kadar peruntukan yang ditetapkan dibayar terus kepada staf.

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dengan syarat staf yang membeli kasut keselamatan secara sendiri perlu menanggung risiko dan pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku. Bagi kaedah tersebut, staf perlu diberikan borang beserta garis panduan lengkap oleh pihak Jawatankuasa Pakaian Seragam berkenaan perkara ini bagi memastikan segala spesifikasi mengikut kehendak Universiti bagi tujuan keselamatan.

**[Tindakan : Bendahari & Bahagian Sumber Manusia]**

### 5.2.3 Kadar Caj Permohonan Baharu Kad Staf (*Smart Card*)

Pihak KKAUSM mencadangkan supaya kadar caj permohonan baharu kad staf yang dikenakan dapat dikurangkan. Hal ini kerana, pihak KKAUSM menerima aduan staf bahawa kadar caj Kad Staf (*smart card*) sedia ada yang dikenakan kepada staf yang kehilangan kad agak membebankan.

Pihak KKAUSM ingin memohon pertimbangan Universiti untuk mengkaji semula kadar caj tersebut disamping ingin mencadangkan fungsi kad tersebut ditambah baik (contohnya: Touch & Go) agar penggunaan kad tersebut lebih meluas.

Wakil dari pihak Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kos bagi kad staf tersebut merangkumi kos untuk pembaikan palang, pembelian palang baharu, pembaikan *access door*, pembaikan perakam waktu, pembaikan kamera dan lain-lain.

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Pengerusi untuk menetapkan kadar caj permohonan baharu kad staf dikurangkan kepada RM35 untuk kehilangan kali pertama dan RM50 untuk kehilangan kali kedua. Kad yang rosak boleh diganti secara percuma selepas 5 tahun.

**[Tindakan : Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi]**

## **MINIT 6 : Hal-hal Lain**

### **6.1 Keahlian Automatik KKAUSM**

Pihak KKAUSM memohon pertimbangan Universiti terhadap cadangan agar semua staf gred 40 dan ke bawah menjadi ahli KKAUSM secara automatik dan yuran keahlian sebanyak RM3 dibayar melalui pemotongan gaji setiap bulan. Cadangan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi kewangan KKAUSM disamping dapat meningkatkan jumlah keahlian dan seterusnya bersama menyokong agenda pembangunan Universiti.

Pihak Universiti tidak mempunyai halangan terhadap cadangan pihak KKAUSM tersebut dan menyokong usaha pengukuhan KKAUSM melalui kaedah keahlian secara automatik.

Walau bagaimanapun, Penasihat Undang-Undang (PUU) memaklumkan bahawa, keahlian dan pemotongan gaji bagi tujuan pembayaran yuran bulanan secara automatik ini hendaklah dimaklumkan secara jelas kepada semua staf yang berkaitan. Staf juga hendaklah diberikan pilihan (*option*) untuk tidak bersetuju menjadi ahli.

Mesyuarat menyokong cadangan ini dengan mengambil maklum nasihat dari pihak PUU. Pihak PKAPUSM juga boleh melaksanakan cadangan yang sama mengikut peruntukan perlembagaan masing-masing.

Pihak KKAUSM dipohon untuk menghubungi pihak Jabatan Bendahari bagi mendapatkan butiran dokumen yang diperlukan untuk tujuan urusan pemotongan gaji staf. Pihak KKAUSM juga dipohon untuk mengemukakan senarai staf yang tidak bersetuju menjadi ahli dan menetapkan tarikh kuatkuasa keahlian bagi staf yang bersetuju untuk menjadi ahli secara automatik.

**[Tindakan : Jabatan Bendahari & KKAUSM]**

### **6.2 Pelekat Kenderaan Staf**

Pihak KKAUSM mencadangkan agar pihak Universiti membekalkan pelekat kenderaan kepada staf dalam tempoh yang lebih lama. Buat masa ini, pelekat kenderaan kepada staf dibekalkan setiap tahun. Dengan cadangan tempoh pengeluaran pelekat yang lebih lama, proses pentadbiran dalam urusan yang berkaitan dapat dipendekkan.

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan supaya perkara ini diteliti secara mendalam diantara pihak KKAUSM dan Jabatan Keselamatan.



**[Tindakan : KKAUSM & Jabatan Keselamatan]**

Pengerusi mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada ahli PKAPUSM yang telah terlibat memberi sokongan kepada pihak Universiti melalui MBJ ini. Mesyuarat dimaklumkan bahawa, PKAPUSM dijangka akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa terdekat bagi pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baharu. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :-



.....  
**ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN  
MOHAMAD TAJULARIFFIN**  
Setiasaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



.....  
**ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD**  
Setiasaha Bersama (Wakil Pekerja)  
MBJ USM